

Academy of Language Studies

UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023


e-Lingua
3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh



Projek-projek Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Menang di Do Good Challenge Musim 1



Pertandingan Do Good Challenge merupakan kolaborasi di antara UiTM dengan rakan strategik Good Virtues Co. (GVC) dan Malaysian Youth Community (MYC). Pertandingan ini berperanan sebagai platform para mahasiswa UiTM mengimplementasikan idea yang inovatif untuk menyelesaikan permasalahan sosial yang dihadapi oleh negara atau komuniti dalam pelbagai aspek. Pertandingan ini terbahagi kepada lima fasa. Fasa 1 bermula pada November 2022, merupakan jelajah ke kampus-kampus UiTM se-Malaysia telah dijalankan oleh GVC untuk menggalakkan pelajar menghantar idea inovatif masing-masing. Pada masa yang sama, GVC berpeluang mempromosikan produk syarikatnya.

Daripada 7,200 penyertaan dari UiTM seluruh Malaysia, hanya 25 penyertaan berjaya terpilih ke Fasa 2 pada akhir Januari 2023. Mereka yang terpilih telah menyertai Boot Camp selama 3 hari 2 malam di Hotel De Palma, Shah Alam pada bulan Februari 2023 biayaan pihak penaja. Di situ para peserta dilatih oleh fasilitator jemputan dari GVC dan MYC tentang penyediaan kertas kerja, pembentangan, promosi media dan kerja berpasukan. Daripada 25 penyertaan yang berjaya, enam darinya diwakili UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP). Sebelum menyertai Fasa 2, para peserta UiTMCPP diberi taklimat dan bantuan awal untuk menghadapi fasa-fasa seterusnya oleh barisan penasihat yang terdiri daripada para pensyarah yang berpengalaman, termasuklah Encik Noor Azli Affendy Lee dari Akademi Pengajian Bahasa sebagai penyelia utama kepada semua finalis mulai dari Fasa 2. Setelah selesai Boot Camp, para peserta diberi tempoh seminggu untuk menyedia dan menghantar kertas kerja cadangan projek masing-masing.

Fasa 3 melibatkan pemilihan sembilan kertas cadangan untuk dibentangkan di hadapan para penilai industri; empat darinya daripada UiTMCPP. Para peserta diberi masa lebih kurang seminggu untuk membuat persediaan pembentangan secara bersemuka. Dalam tempoh ini, kesemua finalis UiTMCPP diberi bimbingan, latihan dan galakan daripada En. Azli, Dr. Ikmal dan PM. Dr. Kay Dora untuk menghasilkan pembentangan yang kreatif dan bermutu. Hasilnya, para finalis berjaya membentangkan kertas cadangan yang menarik perhatian para juri dari segi persembahan slaid, gaya bahasa dan penyampaian. Daripada sembilan pembentangan, lima projek yang memperolehi markah tertinggi diberi geran untuk melaksanakan projek di Fasa 4. Tiga daripada lima geran berjaya diterima oleh UiTMCPP, satu dari UiTM kampus Puncak Alam dan satu lagi dari UiTM kampus Lendu. Setiap penerima geran diberikan sebanyak RM8,000 dan tempoh pelaksanaannya dari 1 April hingga 15 Mei 2023. Pada 16 Mei 2023, finalis membentangkan laporan akhir projek (Fasa 5) kepada para penilai pertandingan di Hotel Mardhiyyah di Shah Alam. Tempat pertama menerima hadiah sebanyak RM30,000. Untuk memastikan setiap projek finalis UiTMCPP berjalan lancar, Dr. Suria Sulaiman, Koordinator MASMED ditugaskan untuk menyelia. Berkat dorongan, bimbingan, usahasama dan kerjasama antara pelajar, staf, penaja, komuniti dan industri, kesemua projek UiTMCPP mendapat sambutan yang hebat dari dalam dan luar kampus, termasuklah mendapat perhatian dan sokongan Professor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM sendiri semasa lawatan beliau ke UiTMCPP.

oleh Mohd Ikmal Fazlan Razli @ Rosli, Kay
Dora Abd Ghani & Suria Sulaiman

Berikut merupakan ketiga-tiga projek finalis daripada UiTMCPP:

1. Projek FemPower Sanitary Pad Vending Machine merupakan inisiatif saudari Dayana Batrisyia Dino Mazali, pelajar ijazah sarjana muda semester 4 dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam. Projek ini bertujuan menjadikan UiTMCPP kampus cawangan yang pertama yang menjual barang kebersihan feminin seperti tuala wanita, pakaian dalam pakai buang dan krim mandian melalui mesin layan diri. Dengan bantuan PJI, ICAN, MASMED and Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) dan tajaan produk daripada GVC, mesin tersebut telah ditempatkan di tandas wanita tingkat dua bangunan BKBA supaya para pelajar wanita dapat membeli barang keperluan wanita lebih-lebih lagi pada saat kecemasan semasa di bilik kuliah. Selain itu, saudari Dayana juga menjalankan sesi perkongsian mengenai kepentingan kebersihan badan wanita. Barang-barangan berkenaan juga diberma ke pusat pendidikan dan penjagaan di negeri Kedah antaranya, SK Datin Fatimah, Rumah Anak Yatim Jariah Qaseh, Pusat Jagaan Baitul Mahabbah Al Hashimi dan Pusat Pengajian Tahfiz dan Pondok Raudhatul Jannah, Beris Jaya.



2. Projek *BarberMania Barber Charity for the Needy* diterajui oleh saudara Amjad Aslam Ahmad Rosli, pelajar diploma semester 6 dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Projek ini bertujuan menggalakkan aktiviti keusahawanan dan kemahiran menggunting rambut. Dengan bantuan kumpulan pelajar berkemahiran menggunting rambut dari BarberMania dan juga tajaan produk BadLab, projek ini membantu golongan kurang berkemampuan dari segi penampilan dan kebersihan rambut. Khidmat percuma ini diberikan kepada golongan kurang berkemampuan seperti golongan gelandangan, kanak-kanak miskin, yatim atau piatu, asnaf, kelainan upaya dan isi rumah B40. Selain itu produk BadLab diberikan secara percuma kepada para peserta. Projek ini telah dilaksanakan di sekitar Pulau Pinang iaitu di Masjid Ibadurrahman, Rumah Permata Kasih, Rumah Pangsa Ampang Jajar dan Anjung Singgah George Town.

3. Projek Rahmah Pauh Food Bank: Share the Table pula dikendalikan oleh para pelajar dari Kursus Kulinari, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan dan diketuai oleh saudara Muhammad Haziq Rezzuan Khairul Hazman, pelajar diploma semester 2. Kos penyediaan makanan disumbangkan melalui derma kakitangan UiTM. Pelajar yang terlibat ditugaskan memasak makanan seimbang dan menjualnya pada waktu sahur dalam bulan Ramadan dan waktu makan malam pada bulan seterusnya. Projek ini bertujuan menyediakan hidangan berkhasiat dengan harga mampu milik. Makanan yang dimasak juga diagihkan kepada komuniti luar kampus yang kurang berkemampuan seperti rumah kebajikan kanak-kanak yatim, piatu dan miskin, asnaf dan golongan B40. Antara organisasi yang terlibat adalah Maahad Riyadhil Quran Sungai Petani, Surau Sutera Prima dan Rumah Anak Yatim Permata Kasih. Selain itu, projek ini menghasilkan pek Rendang Rahmah MRE sedia untuk dimakan. Melalui tajaan dan bantuan pengusaha syarikat industri SME, GIGAU Food & Beverages Sdn Bhd di Sungai Petani, Kedah, projek ini berjaya menghasilkan 90 pek MRE hasil masakan para pelajar Kulinari UiTMCPP. Pek ini merupakan produk menu Rahmah yang pertama yang dijadikan pek MRE. Idea inovatif ini telah membantu saudara Haziq merangkul gelaran juara pertandingan Do Good Challenge Musim 1, sekaligus mengharumkan nama baik UiTMCPP.



Ketiga projek inovatif yang dilahirkan oleh para pelajar UiTMCPP dalam Do Good Challenge Musim 1 telah berjaya menyinari perjalanan sosial dan keusahawanan mereka. Dari mesin layan diri yang menyediakan keperluan wanita, potongan rambut percuma untuk golongan kurang berkemampuan, hingga inisiatif makanan harga mampu milik untuk komuniti yang memerlukan, para pelajar UiTMCPP telah membuktikan bahawa idea yang inovatif dapat memberi impak yang besar. Kepelbagai projek ini juga menggambarkan komitmen UiTM dan rakan strategiknya dalam mendorong perubahan sosial positif melalui kreativiti dan kerjasama. Kejayaan projek-projek ini adalah contoh nyata bagaimana mahasiswa masa kini dapat memimpin dalam memberi manfaat kepada masyarakat serta mewujudkan perubahan yang bermakna.

